



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***SENSITIVITI PELAJAR ISLAM DI SEBUAH UNIVERSITI AWAM
MENGENAI HALAL HARAM URUSAN MUAMALAT DAN REAKSI
TERHADAP ISU HALAL DALAM MEDIA MASSA MALAYSIA***

NUR AMALINA MOHD ZAIN

FBMK 2015 99



**SENSITIVITI PELAJAR ISLAM DI SEBUAH UNIVERSITI AWAM
MENGENAI HALAL HARAM URUSAN MUAMALAT DAN
REAKSI TERHADAP ISU HALAL DALAM MEDIA
MASSA MALAYSIA**

Oleh

NUR AMALINA MOHD ZAIN

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana
Sains**

Februari 2015

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Sarjana Sains

**SENSITIVITI PELAJAR ISLAM DI SEBUAH UNIVERSITI AWAM
MENGENAI HALAL HARAM URUSAN MUAMALAT DAN
REAKSI TERHADAP ISU HALAL DALAM MEDIA
MASSA MALAYSIA**

Oleh

NUR AMALINA MOHD ZAIN

Februari 2015

Pengerusi: Profesor Ezhar Tamam, PhD

Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi

Kepatuhan terhadap hukum syariah merupakan kewajipan bagi seluruh masyarakat Islam. Sensitiviti masyarakat Islam mengenai halal dan haram urusan muamalat tidak seharusnya tertumpu kepada satu aspek sahaja, tetapi perlulah dilihat dari aspek yang menyeluruh iaitu merangkumi aktiviti penggunaan pelbagai jenis barangan, pengambilan makanan serta urusan perkhidmatan kewangan. Justeru, isu-isu halal dalam urusan muamalat yang timbul dalam beberapa tahun kebelakangan ini telah membuka mata masyarakat Islam, khususnya para pelajar universiti untuk lebih peka dengan perkara yang boleh melunturkan nilai akidah Islam. Kajian ini penting kerana dewasa ini pengguna Islam banyak terdedah kepada produk dan perkhidmatan yang tidak jelas dari segi hukum syarak. Di samping itu, mereka turut digemparkan dengan laporan berkaitan isu halal menerusi media massa pada masa yang sama. Oleh itu, penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti skop dan faktor sensitiviti pelajar Islam mengenai halal dan haram urusan muamalat. Selain itu, penyelidikan ini juga adalah untuk mengenal pasti reaksi pelajar Islam terhadap isu-isu halal dalam media massa di Malaysia. Konsep *Banal Nationalism* dan Model Penerimaan Multidimensi pula dijadikan kerangka teoretikal dalam kajian ini. Kajian ini turut dijalankan secara kualitatif dengan menggunakan teknik temubual secara mendalam ke atas 11 orang penuntut Universiti Putra Malaysia. Analisis data dilakukan secara manual dengan menggunakan teknik analisis perbandingan berterusan.

Hasil kajian mendapati bahawa pelajar Islam mempunyai sensitiviti yang menyeluruh iaitu pada tahap kognitif, emosi dan tingkahlaku terhadap hukum halal dan haram dalam aspek makanan. Informan juga cenderung mengambil berat tentang kewujudan unsur riba dalam perkhidmatan di perbankan konvensional. Sementara itu, sensitiviti terhadap status halal terhadap produk kosmetik, farmaseutikal, produk penjagaan diri dan pakaian adalah rendah. Terdapat dua faktor utama yang mendorong pelajar Islam sensitif terhadap hukum halal dan haram urusan muamalat iaitu faktor individu rapat seperti keluarga, di samping faktor usaha untuk mematuhi ajaran agama. Majoriti keluarga mempunyai pengaruh positif yang mendorong ke arah sensitiviti informan. Ianya berlaku melalui perbincangan keluarga dan asuhan dari kecil lagi. Di samping itu

juga, sensitiviti pelajar turut disumbangkan oleh keteguhan nilai agama yang dimiliki informan yang akhirnya mendorong mereka untuk memenuhi kewajipan sebagai orang Islam dengan mematuhi perintah Allah SWT. Akhir sekali, pentafsiran pelajar Islam terhadap isu-isu halal dalam media massa menunjukkan bahawa informan merupakan khalayak yang aktif. Keaktifan informan tergambar melalui komen, kritikan, pandangan serta penilaian yang dibuat terhadap elemen-elemen mesej media. Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan bahawa internet merupakan medium yang paling kerap digunakan oleh pelajar untuk mengetahui isu halal. Hal ini disebabkan internet itu sendiri menjadi saluran yang efektif untuk menyampaikan informasi berkaitan isu-isu agama kepada generasi muda.

Kata kunci: Sensitiviti, hukum syariah, muamalat, isu halal, media massa

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**SENSITIVITY OF MUSLIM STUDENTS IN A PUBLIC UNIVERSITY ON
LAWFUL AND UNLAWFUL IN MUAMALAT ACTIVITIES AND
REACTIONS TOWARDS HALAL ISSUES IN MALAYSIA
MASS MEDIA**

By

NUR AMALINA MOHD ZAIN

February 2015

Chair: Professor Ezhar Tamam, PhD

Faculty: Modern Language and Communication

Adherence to the Sharia law is the obligation of the Muslim community. Muslims' sensitivity regarding permissible and prohibited in muamalat activities should not be concentrated on one aspect only, but it should be comprehensive encompasses the use of various types of goods, consumption of food and also financial services. Hence, halal issues in muamalat activity that have emerged in recent years have opened the eyes of the Muslims especially university students to be aware of the matters that can fade their Islamic values. This study is important due to the current phenomenon occurred, in which the Muslim consumers are being exposed to the products and services that are not crystal-blue in Islamic law nowadays. In addition,, they are surprised by reports on halal issues spread by the mass media at the same time. Thus, this research aims to identify the scope and sensitivity factors of Muslim students about permissible and prohibited aspects in muamalat activities. Besides, this research also identifies students' reactions to halal issues presented in Malaysia mass media. This research adapted Banal Nationalism Concept and Multidimensional Reception Model. This is a qualitative study using in-depth interviews involving 11 students of Universiti Putra Malaysia. Manual data analysis is used by applying a constant contrast analysis technique.

The study found out that Muslim students have a comprehensive sensitivity about permissible and prohibited food, based on their cognitive, emotional and behaviour levels. The students are also alert about the existence of riba element in conventional banking services. However, they are still lack of sensitivity regarding halal status towards cosmetics, pharmaceuticals, personal care products and clothing. Two key factors that made Muslim students to be sensitive to both permissible and prohibited muamalat activities were close individual factor such as family and effort to fulfil religious command. Majority of the families gave positive influence that led to the informants' sensitivity. It was occurred through family discussion and parenting since childhood. In addition, the sensitivity of students was caused by their strong religious values which encouraged them to fulfil their obligations as Muslims to obey Allah SWT. Finally, interpretations of Muslim students on halal issues presented in mass media indicated that informants were active audiences. The informants' activeness was

reflected through their comments, criticisms, views and assessments that were made toward the elements of media messages. The findings also showed that students used internet frequently as the medium to know halal issues, since it became an effective channel to deliver relevant information about religious issues to the younger generation.

Key words: Sensitivity, Syaria law, muamalat, halal issue, mass media



PENGHARGAAN

Bismillah...

Alhamdulillah, dengan kasih sayang dan limpah kurniaNya, dapat saya menyempurnakan amanah dan tanggungjawab bagi menyelesaikan penulisan tesis ini.

Jutaan terima kasih ditujukan kepada Prof. Ezhar Tamam yang memberi tunjuk ajar dan motivasi untuk saya bekerja keras dan sentiasa konsisten bagi menyelesaikan penyelidikan ini. Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada Dr. Rosya Izyanie Shamshudeen, yang banyak menyumbang idea, berkongsi ilmu serta memberi nasihat untuk saya menghasilkan penulisan tesis yang lebih baik dari semasa ke semasa. Tak lupa juga kepada Dr. Jusang Bolong dan Dr. Mohd Sukki Othman yang sudi memberi pandangan bernas bagi memperbaiki tesis ini.

Tiada ucapan yang setanding untuk diungkapkan terutamanya buat Bonda Che Rahmah dan Ayahanda Mohd Zain yang menjadi nadi penguat untuk anakanda meneruskan perjuangan ini. Begitu juga semangat dan dorongan yang tidak pernah putus daripada semua ahli keluarga, amat-amat dihargai. Buat anak-anak saudaraku, terima kasih kerana selalu menghiburkan hati. Moga naskhah ini menjadi pendorong kalian untuk gigih menimba ilmu.

Penghargaan teristimewa buat arwah tunang tersayang, Muhammad Amir Firdaus yang sentiasa dekat di hati dan menjadi sumber inspirasi di sepanjang tempoh pengajian ini. Semangatmu sentiasa bersamaku. Kejayaan ini milik kita bersama. Impian kita akan kuteruskan untuk mencipta kejayaan yang lebih besar pada masa hadapan, insyaallah.

Buat teman-teman seperjuangan, segala suka-duka yang dilalui bersama sepanjang proses menyiapkan kajian ini tidak akan dilupakan. Jasa kalian akan dikenang sampai bila-bila.

Akhir kalam, moga perjalanan menuntut ilmu ini akan sentiasa diberkati Ilahi, bukan untuk mengejar nama di mata dunia semata-mata, tetapi sebagai bekalan untuk bertemu-Nya di sana nanti. Insyaallah.

Tesis ini telah dikemukakan kepada senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Sarjana Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Ezhar Tamam, PhD

Profesor

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Rosya Izyanie Shamshudeen, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbanlan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Nur Amalina Mohd Zain (GS29440)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan Penyeliaan:

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan di bawah Peraturan 41 dalam Peraturan 2003 Semakan (2012-2013) telah dipauhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi : Ezhar Tamam, PhD
Jawatankuasa
Penyeliaan

Tandatangan : _____
Nama Ahli : Rosya Izyanie Shamsudeen, PhD
Jawatankuasa
Penyeliaan

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	Muka Surat
ABSTRACT	i
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	v
PERAKUAN	vi
	viii
 BAB	
 1 PENGENALAN	 1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Objektif Kajian	6
1.4 Kepentingan Kajian	6
1.5 Limitasi Kajian	7
1.6 Definisi Kata Kunci	8
 2 SOROTAN LITERATUR	 10
2.0 Pendahuluan	10
2.1 Skop Muamalat dan Kefahaman Masyarakat Islam Mengenai Konsep Halal dan Haram Urusan Muamalat	10
2.2 Konsep dan Faktor Sensitiviti Terhadap Hukum Halal dan Haram Urusan Muamalat	14
2.3 Peranan Media Massa dalam Meningkatkan Sensitiviti Masyarakat Islam Tentang Isu Halal	26
2.4 Audiens Aktif: Reaksi Khalayak Terhadap Mesej	30
2.5 Kerangka Teoretikal	34
2.5.1 <i>Banal Nationalism</i> dalam Aktiviti Muamalat Masyarakat Islam	35
2.5.2 Dari Model Enkod-dikod kepada Model Penerimaan Multidimensi	37
 3 METODOLOGI KAJIAN	 41
3.0 Pendahuluan	41
3.1 Reka Bentuk Kajian	41
3.2 Pemilihan Kaedah Kualitatif	42
3.3 Teknik Pengumpulan Data: Temubual Mendalam Secara Bersemuka	43
3.4 Konteks Kajian	45
3.4.1 Pemilihan Informan Kajian	45
3.4.2 Latar Kajian	46
3.5 Kaedah Kajian	47
3.5.1 Instrumen Kajian	47
3.6 Prosedur Pengumpulan Data	48
3.6.1 Tinjauan Awal	48
3.6.2 Menjejaki Lapangan	49
3.6.3 Pra-uji	49

3.6.4 Pengumpulan Data Kajian Sebenar	51
3.7 Prosedur Analisis Data	52
3.8 Kesahan dan Kebolehpercayaan	53
3.9 Etika	54
4 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4.0 Pendahuluan	56
4.1 Skop Sensitiviti Pelajar Islam Terhadap Halal dan Haram Urusan Muamalat	56
4.1.1 Kefahaman Pelajar Islam tentang Konsep Halal dan Haram Urusan Muamalat	57
4.1.2 Sensitiviti Terhadap Status Halal Produk Makan	60
4.1.3 Kualiti dan Kebersihan Makanan Berasaskan Haiwan	64
4.1.4 Kepentingan Identiti Islam dalam Meningkatkan Keyakinan Pengguna Terhadap Produk dan Perkhidmatan	66
4.1.5 Kepekaan Terhadap Unsur Haiwan yang Bercanggah dengan Kesucian Islam dalam Produk Kosmetik Penjagaan Diri, Farmaseutikal dan Pakaian	69
4.1.6 Sensitiviti Berkenaan Elemen Halal dan Haram dalam Urusan Kewangan	72
4.2 Faktor Sensitiviti Pelajar Islam Terhadap Halal dan Haram Urusan Muamalat	79
4.2.1 Faktor Persekitaran Sosial	80
4.2.2 Faktor Peribadi	89
4.3 Reaksi Pelajar Islam Terhadap Isu Halal dan Haram dalam Media Massa Malaysia	95
4.3.1 Pemilihan Media Massa bagi Mengikuti Isu Halal dan Haram	96
4.3.2 Interpretasi Terhadap Mesej Isu Halal dan Haram	103
4.3.3 Perbincangan Keseluruhan Hasil Kajian	116
4.3.4 Rumusan	122
5 KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.0 Pendahuluan	123
5.1 Latar Belakang	123
5.2 Kerangka Teoretikal	124
5.3 Kaedah Kajian	124
5.4 Ringkasan Hasil Kajian dan Kesimpulan	125
5.5 Implikasi dan Sumbangan	127
5.6 Cadangan	128
5.7 Cadangan Kajian Akan Datang	129
BIBLIOGRAFI	131
LAMPIRAN	157
BIODATA PELAJAR	161

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Dalam agama Islam, aspek syariah merupakan teras penting kehidupan manusia dalam membentuk hubungan antara manusia dengan Pencipta (fiqh ibadah). Selain itu hubungan sesama manusia yang disebut fiqh muamalah (Rizka, 2012) turut diberi penekanan kerana ia meliputi sebahagian besar aspek kehidupan manusia. Pengamalan nilai Islam perlu dilaksanakan dalam setiap aspek kehidupan termasuklah dalam aktiviti muamalat. Kajian ini memberi fokus kepada sensitiviti masyarakat Islam terhadap hukum muamalat serta reaksi mereka terhadap isu halal dalam media massa.

Kajian mengenai sensitiviti masyarakat Islam terhadap hukum muamalat perlu dijalankan kerana hukum agama merupakan asas paling penting dalam amalan hidup umat Islam (Raja Nerina, 2009; Saeed, 2006). Hukum halal dan haram adalah dasar utama dalam aktiviti muamalat. Masyarakat Islam pada masa kini sering menyalahertikan urusan muamalat dengan kefahaman bahawa ia hanya berkaitan dengan aktiviti pengurusan dan pemilikan harta atau dirujuk sebagai aktiviti kewangan sahaja (Mahmood Zuhdi, 1999), sedangkan ia sebenarnya turut merangkumi aktiviti kepenggunaan seperti jual-beli, penggunaan produk (barangan atau makanan dan minuman) dan perkhidmatan (Abdul Karim & Mohd Nazri, 2013; Mohd Nasran, Ahmad Dahlan & Nik Abd. Rahim, 2008). Urusan muamalat dalam konteks kepenggunaan dalam Islam adalah aktiviti menggunakan barangan secara langsung sama ada ianya diguna habis atau digunakan berterusan (Abdul Karim & Mohd Nazri, 2013). Meskipun kajian tentang isu halal dan haram telah banyak dijalankan, namun kajian berbentuk kualitatif amat terhad. Kajian ini mempunyai kelebihan tersendiri kerana ia akan memberi kefahaman yang lebih kritikal dan mendalam tentang sensitiviti masyarakat Islam terhadap halal dan haram dalam urusan muamalat serta menjelaskan pentafsiran masyarakat terhadap isu halal dan haram yang disebarkan melalui media massa di Malaysia. Bab ini mengandungi enam bahagian iaitu merangkumi latar belakang, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif, kepentingan, limitasi kajian dan definisi kata kunci.

1.1 Latar Belakang

Agama merupakan tunjang yang mempengaruhi gaya hidup seseorang dalam melaksanakan segala aktiviti harian. Dalam Islam, elemen tauhid menjadi asas utama yang mencorak pemikiran dan personaliti individu (Azimi, Steven, Sidek, Turiman, Rumaya, Jamiah, Khairul, Azma & Hasnan, 2007) sekaligus bertindak sebagai satu faktor yang membentuk peribadi individu khususnya dan masyarakat Islam umumnya. Pengamalan cara hidup Islam memberi impak ke atas aktiviti yang dijalankan (Raja Nerina, 2009) termasuk aktiviti muamalat. Sebagai contoh, penerapan dan pengamalan nilai Islam dalam urusan muamalat telah mendorong perkembangan bidang ekonomi dan pembangunan ummah apabila masyarakat Islam menerapkan nilai murni seperti kejujuran, kebenaran dan kesejahteraan hidup sebagaimana yang ditekankan dalam

ajaran Islam (Daniel & Judith, 2002). Justeru itu, keperibadian yang terbentuk hasil terapan nilai Islam mampu melahirkan seorang individu Muslim yang teguh jati dirinya dan taat akan segala perintah Allah SWT.

Oleh sebab Islam menuntut setiap penganutnya mematuhi hukum syariah dalam semua aspek, maka masyarakat Islam wajib mematuhi perintah Allah SWT dan meninggalkan laranganNya kerana setiap peraturan yang ditetapkan bertujuan untuk menjaga kesejahteraan manusia termasuklah semasa menjalankan aktiviti muamalat. Kepatuhan terhadap hukum agama hanya dapat dilakukan sekiranya wujud kesedaran tentang kewajipan menunaikan hak Maha Pencipta. Kesedaran diri individu untuk melaksanakan kewajipan tersebut dapat dicapai seandainya orang Islam mempunyai pengetahuan, kefahaman, penghayatan dan komitmen yang tinggi terhadap agama Islam (Iwan, 2010; Ateeq & Shahbaz, 2010; Spilka, Hood, Hunsberger & Gorsuch, 2003). Kesedaran ini membawa kepada sensitiviti terhadap ajaran Islam sekaligus mendorong mereka merujuk setiap amalan dalam urusan muamalat kepada hukum yang telah ditetapkan oleh Allah SWT sama ada ia bersifat halal, haram, wajib, sunat, harus atau makruh. Seorang Islam dikatakan memiliki sensitiviti terhadap agama Islam apabila dia menitikberatkan hukum-hukum tersebut semasa bermuamalah.

Sensitiviti terhadap agama boleh mempengaruhi tindakan, pilihan (Syed & Rohani, 2011) dan keputusan masyarakat dalam setiap urusan termasuk aktiviti muamalat kerana agama memberi kesan ke atas sikap, nilai dan perlakuan masyarakat (Kotler, 2000; Mokhlis, 2009) Islam. Walaupun Islam telah menetapkan peraturan yang ketat dalam urusan muamalat seperti hukum pengambilan makanan (Bonne, Vermeir & Verbeke, 2009), menjalankan transaksi kewangan dan aktiviti jual-beli, tetapi tahap pematuhan terhadap hukum halal dan haram adalah berbeza dalam kalangan masyarakat Islam. Perbezaan ini timbul kerana setiap individu mempunyai sensitiviti yang berbeza terhadap ajaran agama (Iwan, 2010; Mohinder & Shanthi, 2000; Rozita & Nozaidi, 2012) Islam dan mereka juga berbeza dari segi pendedahan serta penerimaan informasi berkenaan hukum halal dan haram muamalat.

Masyarakat Islam yang tidak sensitif terhadap ajaran agama terutamanya dalam aspek halal dan haram aktiviti muamalat lebih cenderung untuk tidak menitikberatkan hukum syariah semasa bermuamalah. Tahap sensitiviti yang rendah ini berpunca dari pengetahuan, kefahaman dan penghayatan yang rendah terhadap ajaran agama Islam. Kesannya, masyarakat Islam bebas melakukan apa sahaja sehingga terjebak dengan unsur *riba*, *gharar* (ketidaktentuan), *batil* (memakan harta orang lain tanpa sebab) (Zaharudin, 2011), *maisir* (judi) (Mohamad Sabri, 2011), barangan serta produk makanan dan minuman yang mengandungi unsur haram.

Penekanan nilai-nilai Islam pula akan memberi pengaruh positif kepada amalan masyarakat Islam semasa melakukan transaksi kewangan, membeli barangan atau memilih perkhidmatan (Gayatri, Hume & Mort, 2011). Keyakinan dan pengamalan nilai-nilai murni yang disyorkan Islam dapat menghalang masyarakat Islam dari melakukan penyelewengan, penindasan, kerosakan, kezaliman dan perbuatan negatif yang lain. Individu yang sensitif terhadap hukum yang ditetapkan Allah SWT menyedari bahawa tindakan melanggar hukum syariah bukan sahaja akan

mendatangkan kemudatan pada diri sendiri dan orang lain, malah mendapat balasan yang setimpal di dunia dan di akhirat (Shuhairimi, 2008).

Dalam era globalisasi, media massa menjadi wacana popular sebagai sumber masyarakat mendapatkan maklumat tentang agama. Media massa menjadi sumber utama untuk menyebarkan maklumat kepada orang ramai termasuk dalam menyampaikan idea dan menonjolkan isu-isu agama (Hjarvard, 2006; Lim, 2001) seperti isu halal dan haram urusan muamalat. Gelagat yang berbagai-bagai daripada masyarakat setelah mengetahui isu halal daripada media massa menggambarkan bahawa media merupakan sumber penting untuk mendapatkan maklumat isu halal dan pemberitaan yang disampaikan telah menarik perhatian masyarakat untuk mengikutinya.

Peranan media massa sebagai ejen dakwah dapat dilihat apabila masyarakat Islam di Malaysia cenderung menggunakan media massa bagi memahami ilmu-ilmu berkaitan dengan Islam (Bahtiar, Hasan & Khadafi, 2004). Sehubungan dengan ini, pihak media dikenalpasti sebagai saluran terbaik untuk menyebarkan dakwah Islam apabila isu halal dan haram urusan muamalat disebarluas menerusi media cetak, media elektronik serta media alternatif (Othman, 2011). Isu halal disampaikan melalui media cetak dalam bentuk berita, rencana, komentar, soal-jawab, manakala media elektronik menyampaikannya dalam format program majalah, bual-bicara, dokumentari dan wawancara radio. Selain itu, media baharu juga banyak melaporkan mengenai isu halal melalui portal akhbar, portal rasmi kerajaan atau bukan kerajaan, laman sosial dan laman blog. Lantaran pemberitaan isu halal disebarkan menerusi pelbagai saluran media, maka mesej yang disampaikan diolah dengan cara penyampaian yang berbeza-beza. Keberkesanan pemberitaan isu halal ke atas khalayak tidak dapat dipastikan kerana mereka mentafsir mesej media secara berbeza-beza.

Perbezaan interpretasi khalayak ke atas mesej media (Schoder, 2000) adalah disebabkan oleh konteks budaya dan sosial khalayak yang berbeza-beza (Hall, 1973; Schroder, 2000). Semasa membuat tafsiran ke atas mesej media, khalayak tidak dapat dipisahkan dari sejarah dan latar kehidupan mereka. Mereka membawa pelbagai perspektif budaya masing-masing semasa menginterpretasi maklumat isu halal dalam media massa. Situasi ini mewujudkan perbezaan tafsiran antara individu ke atas isu sesuatu dan adakalanya khalayak memahami mesej yang disampaikan secara berbeza berbanding makna asal penerbit (Schroder, 2000). Interpretasi khalayak ke atas isu halal dalam media massa diterjemahkan dalam bentuk persepsi, kritikan atau cadangan. Adakalanya tindakan khalayak hanya sampai pada tahap pembacaan mesej sahaja tanpa mengaplikasikannya dalam kehidupan sosial (Schroder, 2000).

1.2 Pernyataan Masalah

Dalam kehidupan masyarakat Islam di Malaysia pada hari ini, timbul dakwaan-dakwaan bahawa umat Islam tidak sensitif terhadap hukum halal dan haram. Profesor Doktor Yaakob Che Man, Pengasas Institut Penyelidikan Produk Halal, UPM mendakwa bahawa kesedaran orang Melayu tentang aspek halal dan haram sememangnya rendah (Melati, 2010) memandang sesetengah orang Islam masih

makan di premis milik orang bukan Islam dan restoran yang tiada sijil halal. Berdasarkan pemerhatian Saimah Mukhtar, Pengarah Hub Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), beliau mendakwa sesetengah masyarakat Islam hari ini mengambil sikap memandang ringan soal halal dan haram kerana tidak menitikberatkan aspek *toyyiban* iaitu nilai positif bagi makanan seperti bersih, berzat, berkualiti, selamat dan tidak membawa kemudaratan kepada manusia (Melati, 2010). Masyarakat Islam juga dikatakan tidak berupaya membentuk kesedaran terhadap isu halal walaupun mereka merupakan majoriti pengguna yang mendominasi permintaan dalam pasaran (Marzuki dalam Mohd Martin, 2011).

Dalam masa yang sama, media di Malaysia melaporkan sebanyak 30.5 peratus pelajar universiti di negara ini sanggup mengambil rasuah (*riba*) jika diberi peluang berbuat demikian (Saifulizam, 2007). Selain itu, golongan muda termasuk penuntut universiti turut dibebani hutang pinjaman pendidikan, kad kredit (Hassan, 2011) dan pinjaman pembelian kenderaan. Di samping itu juga, segelintir generasi muda bersikap ambil mudah dengan memilih barangan berdasarkan harga yang murah (Muhd Izawan, 2012; Muhammad Teja, 2012) tanpa menghiraukan kesahan logo halal pada produk tersebut. Sikap tidak sensitif golongan muda ini diperkukuhkan lagi dengan laporan Abdul Kadir (2012) yang menyatakan bahawa sikap pengguna Islam terutamanya para remaja amat membimbangkan apabila mereka kerap mengunjungi premis makanan yang tidak mendapat pengiktirafan halal JAKIM.

Walaupun wujud dakwaan negatif berkenaan sensitiviti pengguna Islam, kajian-kajian terdahulu mendapati bahawa terdapat peningkatan kesedaran dalam kalangan masyarakat Islam terhadap aspek halal dan haram (Faryal & Kamran, 2011; Nasaruddin, Mel, Fuad, Jaswir & Abd. Hamid, 2011; Phuah & Jamilah, 2013) dalam aktiviti muamalat. Terdapat juga kajian yang mendapati bahawa sensitiviti pengguna terhadap produk keperluan harian masih rendah dan mereka umumnya hanya sensitif terhadap produk makanan sahaja (Sanep, Hairunniza & Surtahman, 2013). Sehingga kini, sensitiviti masyarakat Islam di Malaysia terhadap hukum halal dan haram urusan muamalat masih menjadi tanda tanya banyak pihak (Azilawati, Mazlah, Nurkhairizan, Nor Liza & Norleha, 2013). Kewujudan kelompok masyarakat yang sensitif dan tidak sensitif terhadap halal haram muamalat juga perlu difahami dari segi faktor yang mendorong kepada sikap tersebut. Ianya perlu diperjelaskan melalui penyelidikan empirik. Oleh itu, sensitiviti pengguna Muslim terhadap hukum halal dan haram urusan muamalat perlu diberi perhatian bagi mengenalpasti sama ada ianya konsisten terhadap semua jenis barangan atau tertumpu pada sesetengah skop sahaja (Sanep, Hairunniza & Surtahman, 2013) serta faktor pendorongnya.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, pihak media telah membuat liputan meluas tentang isu halal (Siti Zanariah, Jusang & Nor Azura, 2014). Namun pendedahan pihak media yang lebih cenderung untuk mensensasikan isu-isu berkaitan dengan Islam telah menimbulkan kekeliruan dan kebimbangan kepada umat Islam (Bahtiar, Hassan, & Khadafi, 2004) termasuklah dalam isu halal dan haram urusan muamalat. Sebagai contoh, apabila media melaporkan tentang isu status halal produk makanan dan barang-barang kegunaan harian, pengguna Islam berasa risau kerana khuatir mereka tersalah guna atau termakan makanan yang diragui status halalnya (Ahmad Zaini, 2007) seperti coklat jenama *Cadbury* yang menjadi isu dengan mendapat liputan meluas dari media

massa pada Mei 2014. Pelbagai ulasan yang tidak berasas, bermotif peribadi dan berbentuk spekulatif telah diberikan oleh pelbagai pihak terhadap pemberitaan di media massa. Hal ini telah mengeruhkan suasana dan menambahkan kekeliruan pengguna Islam apabila mereka perlu berdepan dengan situasi yang melibatkan hukum halal dan haram (Ahmad Rostam, 2014).

Selain itu, terdapat segelintir masyarakat yang menyuarakan rasa tidak puas hati dengan pemberitaan media konvensional kerana ia hanya melaporkan status halal produk secara umum tanpa melaporkan jenama produk yang tidak mendapat pengesahan halal. Mereka mendakwa pihak media seolah-olah menyelindungi maklumat penting tentang pengusaha yang terlibat dalam isu halal. Walhal, maklumat tersebut dianggap penting untuk diketahui secara jelas demi kebaikan pengguna Islam (“Produk halal: Prihatin sensitiviti”, 2005). Selain daripada pihak media, badan berwajib seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) juga turut dikritik kerana dianggap tidak telus dalam menyampaikan fakta serta didakwa tidak menjalankan tugas secara beretika (“JAKIM tidak khianati kepercayaan umat Islam”, 2014).

Berdasarkan maklum balas daripada khalayak kepada pihak media seperti akhbar, didapati bahawa sebahagian masyarakat memberi reaksi yang berbaur negatif setelah mengetahui isu halal. Pelbagai reaksi masyarakat terhadap isu halal dalam media massa menggambarkan bahawa setiap individu mempunyai daya pentafsiran atau interpretasi yang berbeza-beza (Schroder, 2000). Meskipun motif utama pendedahan isu halal adalah bertujuan untuk memberi peringatan dan mendidik masyarakat supaya lebih sensitif terhadap status halal makanan, barangan dan perkhidmatan, namun apakah interpretasi sebenar informan terhadap isu halal dalam media massa?

Setakat ini, kajian empirikal tentang halal dan haram urusan muamalat yang dikaji dari perspektif komunikasi massa masih kurang dijalankan. Dua kajian tempatan berkaitan isu halal dan haram yang khusus dalam bidang komunikasi massa dijalankan oleh Khaizuran (2007), iaitu mengkaji kesan pemingkaian (*framing*) laporan halal dalam akhbar terhadap imej dan reputasi organisasi di Malaysia serta kajian Siti Nafisah (2006) yang mengkaji keberkesanan aplikasi portal halal JAKIM dalam menyampaikan maklumat tentang produk makanan. Kedua-dua kajian ini dijalankan menggunakan kaedah analisis kandungan. Kedua-dua kajian tidak melihat kepada respons khalayak terhadap isu halal dalam media serta tidak mengambil kira konteks sosial dan budaya khalayak semasa menginterpretasi mesej media.

Sungguhpun isu halal dan haram urusan muamalat perlu diberi perhatian oleh semua lapisan masyarakat Islam di Malaysia, namun golongan muda terutamanya pelajar Islam di universiti harus lebih sensitif terhadap isu halal. Golongan ini merupakan kelompok penting dalam masyarakat kerana mereka bakal membina keluarga, menjawat jawatan dalam bidang profesional dan menerajui pucuk pimpinan negara pada masa akan datang. Sensitiviti pelajar Islam pada hari ini mencerminkan sikap generasi masyarakat Islam yang akan dibentuk pada masa hadapan. Maka kajian ini memfokuskan kepada sensitiviti pelajar Islam di salah sebuah universiti awam di Malaysia.

Pengkaji terdorong untuk memberi fokus kepada kajian ini kerana melihat akan kepentingannya dalam situasi semasa. Realiti pada hari ini memperlihatkan berlakunya penyelewengan oleh pihak-pihak tertentu ke atas masyarakat Islam dan agama Islam sendiri. Hal ini lebih jelas apabila timbul isu-isu kontroversi berhubung dengan hukum halal dan haram dalam media massa. Kajian ini juga didorong oleh banyaknya dakwaan tentang sikap pengguna Islam yang tidak sensitif atau hanya sensitif pada aspek tertentu, sedangkan hukum Islam merupakan nilai penting dalam agama Islam yang patut dipatuhi secara menyeluruh dalam segenap aktiviti. Tambahan pula, kajian berasaskan Islamik dalam bidang kontemporari seperti komunikasi massa yang dijalankan menggunakan pendekatan kajian penerimaan masih lagi terhad. Ekoran daripada permasalahan-permasalahan yang telah dinyatakan dan jurang pengetahuan yang wujud, maka timbul dua persoalan untuk dirungkaikan menerusi kajian ini iaitu:

- 1) Apakah skop sensitiviti pelajar Islam terhadap halal dan haram dalam urusan muamalat?
- 2) Apakah reaksi pelajar Islam terhadap isu halal dan haram dalam media massa Malaysia?

1.3 Objektif Kajian

Objektif umum bagi kajian ini ialah untuk meneliti sensitiviti pelajar Islam mengenai halal dan haram urusan muamalat dan reaksi terhadap isu halal dalam media massa Malaysia.

Objektif khusus terbahagi kepada tiga iaitu:

- 1) Untuk mengenal pasti skop sensitiviti pelajar Islam terhadap halal dan haram urusan muamalat.
- 2) Untuk mengenal pasti faktor sensitiviti pelajar Islam terhadap halal dan haram urusan muamalat.
- 3) Untuk mengenal pasti reaksi pelajar Islam terhadap isu halal dan haram dalam media massa Malaysia.

1.4 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini diuraikan dalam tiga aspek iaitu teoretikal, praktikal dan metodologi. Dari segi teori, kajian ini memberi kefahaman yang lebih mendalam tentang mod pembacaan dalam model Enkod-Dikod dan memperincikan elemen penilaian khalayak semasa menginterpretasi mesej berunsur agama dalam media massa berdasarkan Model Penerimaan Multidimensi. Hasil kajian ini akan membuka pandangan yang lebih luas tentang konsep *Banal Nationalism* di mana ianya tidak terhad kepada sentimen kebangsaan, kenegaraan dan kependudukan masyarakat yang banyak difokuskan dalam konteks kehidupan masyarakat Barat sahaja, sebaliknya boleh diperluaskan kepada sentimen kepercayaan, nilai, pegangan dan amalan agama yang membentuk identiti diri masyarakat Islam dalam konteks masyarakat Timur. Hasil kajian ini dijangka akan meningkatkan kefahaman tentang bagaimana konsep *Banal*

Nationalism wujud dalam urusan muamalat masyarakat Islam sehingga ia dapat mengukuhkan dan mengekalkan nilai-nilai Islam serta identiti Muslim seseorang. Penggunaannya juga menambahkan pengetahuan tentang elemen atau simbol yang terkandung dalam mesej berunsur agama sehingga menjadikan media sebagai salah satu alat yang mendorong sensitiviti masyarakat Islam terhadap hukum agama.

Dari segi praktikal, dapatan kajian ini akan menjadi asas kepada pembentukan dasar bagi pihak media dan sebagai panduan kepada pengamalnya dalam merangka modul tindakan bagi memantapkan liputan ke atas isu-isu berkaitan agama. Secara khusus, kajian ini dijangka dapat mendorong pihak media untuk menyampaikan maklumat secara lebih meluas, jelas dan memenuhi keperluan khalayak dalam usaha membentuk sensitiviti masyarakat tentang hukum halal dan haram.

Bukan itu sahaja, golongan pakar seperti pensyarah di institusi pengajian tinggi yang mempunyai pengetahuan tentang hukum syariah perlu menyampaikan ilmu bagi memberi kefahaman mengenai aspek halal dan haram urusan muamalat kepada pelajar Islam. Justeru itu, kajian ini dijangka dapat menyumbang idea ke arah pembentukan dasar pendidikan bagi merangka subjek yang bersesuaian untuk diajar di peringkat universiti. Modul pengajian yang komprehensif tentang bidang halal dapat menjana ilmu pengetahuan yang bermanfaat untuk generasi muda.

Dari sudut metodologi, hasil kajian ini boleh dijadikan asas pembinaan instrumen untuk kajian kuantitatif. Tema-tema yang muncul daripada temubual informan dapat digunakan sebagai alat pengukuran bagi mengkaji tahap sensitiviti penuntut universiti terhadap isu halal dan haram dalam urusan muamalat serta mengetahui respons khalayak terhadap mesej media. Berdasarkan kaedah penyelidikan yang digunakan, pembaca dapat menilai kelebihan dan kekurangan penggunaan teknik temubual secara mendalam dan teknik analisis yang digunakan supaya dapat merancang kaedah pengumpulan dan penganalisan data yang lebih berkesan.

1.5 Limitasi Kajian

